

Headline	Hubungan akrab manusia alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 May 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	536 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,594
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,781



# Hubungan akrab manusia, alam sekitar

PASTI anda pernah melakukan aktiviti berkelah di hujung minggu bersama keluarga di kawasan air terjun mahupun sungai-sungai rekreasi.

Perasankah anda sesetengah kawasan rekreasi kini (bahkan kebanyakannya) mulai mengenakan caj masuk dengan alasan wang itu digunakan bagi menguruskan prasarana yang disediakan di kawasan tersebut.

Namun, kehijauan, kesejukan air, kedamaian dan kesegaran udara yang anda nikmati daripada hutan tersebut adalah percuma bukan?

Bayaran yang dikenakan itu sebenarnya menggambarkan harga alam sekitar di bawah definisi PES.

Caj yang dikenakan kepada pengunjung yang mengunjungi kawasan rekreasi itu memberi gambaran bahawa konsep tersebut mula diperkenalkan secara perlahan-lahan di negara ini.

Cuma yang menjadi persoalan kini ialah bagaimanakah kerangka polis dan program PES yang sesuai dilaksanakan di negara ini tanpa meminggirkan komuniti setempat dan tidak menguntungkan kelompok atau individu tertentu.

Penyelidik di Nicholas School of the Environment, Universiti Duke, Durham, North Carolina, Amerika Syarikat, **Jeffrey R. Vincent** berkata, perkhidmatan hutan merupakan ikatan kepada hubungan yang kompleks antara manusia dan alam sekitar.

“Kawasan tadahan air merupakan kehilangan yang sebenar apabila hutan diteroka.

“Itu belum dikira dengan kehadiran flora dan fauna seperti agen pendebungaan yang amat penting kepada manusia yang terdapat di dalamnya,” katanya.

Jelas Vincent, pendebunga merupakan perkhidmatan ekosistem yang sering dilupakan kepentingannya oleh manusia.

Tanpanya (pendebunga) pasti manusia tidak mampu menikmati makanan seperti buah-buahan, makan ruji, sayur-sayuran dan pelbagai lagi.

“Kajian mendapati bahawa pelbagai jenis serangga pendebunga yang berasal dari hutan merayau lebih jauh daripada kawasan hijau tersebut untuk

Headline	Hubungan akrab manusia alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 May 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	536 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,594
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,781

melaksanakan tugasnya,” katanya.

Jika kawasan hutan tersebut tiada pastinya proses pendebungaan yang memberi banyak manfaat kepada manusia itu juga turut lenyap.

Kawasan tadahan air merupakan antara perkhidmatan yang bernilai tinggi kerana air merupakan keperluan asas manusia.

Tambahan pula, di era moden kini, penggunaan air dilihat lebih penting sehingga kempen penjimatan berkenaan sumber tersebut giat dilaksanakan.

Biarpun Malaysia bertuah kerana memiliki taburan hujan yang amat tinggi sepanjang tahun, namun tidak semua sumber air tersebut dapat dimanfaatkan.

Kebanyakan air dialirkan terus ke longkang, sungai dan terus ke laut dan tidak dapat digunakan atau disimpan.

Hal demikian kerana, peranan hutan sebagai kawasan tadahan air telah hilang terutamanya di negeri-negeri yang pesat membangun seperti Selangor.

Tadahan air bukan bermaksud bentuk fizikalnya yang mudah dilihat seperti empangan, tasik, kolam, sungai dan sebagainya.

Hutan itu sendiri merupakan penyerap seperti span apabila akar pokok, sarap hutan dan juga tumbuhan lain ‘memegang’ air kemudian dialirkan ke anak sungai secara perlahan-lahan.

Kajian dan penyelidikan oleh penyelidik Program Ekonomi dan Analisis Strategik FRIM, **Ismariah Ahmad** mendapati, kawasan tadahan air adalah salah satu perkhidmatan ekosistem yang terpenting ditawarkan oleh sesebuah hutan.

Ujarnya, kajian dilakukan terhadap kesan apabila berlakunya perubahan terhadap hutan dan penggunaan tanah kepada sesebuah kawasan hutan tadahan air.

“Penyelidikan dilakukan dalam tiga skop utama iaitu petunjuk hidrologikal, kos lepas dan juga kelebihannya,” katanya.

Kajian itu juga katanya, dapat menentukan pihak-pihak yang perlu membayar dan yang akan menerima keuntungan daripadanya.

“Sebagai contoh, jika pemuliharaan hutan dijalankan dengan baik, kawasan tadahan air bersih juga akan bertambah dan pengguna hanya perlu membayar pada kadar yang rendah.

“Hal ini kerana, jika air yang diperolehi daripada sumber yang bersih (hutan) maka kos rawatan air akan

berkurangan, justeru itu pengendali air (rawatan) akan mengenakan caj yang rendah,” katanya.

Dalam pada itu, **Herminia A. Francisco**, seorang penyelidik dari Filipina mengakui polisi Malaysia dalam memelihara dan memulihara alam sekitar berada pada tahap yang amat baik.

“Contohnya kita boleh lihat bagaimana Malaysia mewartakan taman negara serta taman-taman negeri sebagai kawasan pelancongan.

“Jika di negara lain, mereka terpaksa melaksanakan PES kerana terdesak apabila sumber tersebut (hutan) semakin pupus dan masalah tersebut tidak diambil peduli oleh kerajaan.

“Namun perkara sebaliknya berlaku di Malaysia,” akunya.



JEFFREY R. VINCENT



ISMARIAH AHMAD



SEBAHAGIAN peserta seminar Bayaran bagi Perkhidmatan Ekosistem Hutan Hujan Tropika yang diadakan di ibu negara baru-baru ini.

<b>Headline</b>	Hubungan akrab manusia alam sekitar		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Malaysia		
<b>Date</b>	27 May 2013	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Supplement	<b>Circulation</b>	197,952
<b>Page No</b>	3	<b>Readership</b>	833,287
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	536 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 10,594
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 31,781

